



اتوريټي كېڤسائڻ كسلامتن
كصحيټن دان عالم سكيټر
Safety, Health and Environment
National Authority

**SESI MUZAKARAH SHENA BERSAMA PENGHULU-PENGHULU
MUKIM DAN KETUA-KETUA KAMPONG DI DAERAH BRUNEI
DAN MUARA DAN DAERAH TEMBURONG**

**RABU, 05HB FEBRUARI 2025
9:05 PAGI**

**UCAPAN DARIPADA
YANG MULIA HAJI MUHSIN BIN HAJI AHMAD
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF, SHENA**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Yang Mulia, Tuan Awang Abdul Walid bin Haji Matassan
Setiausaha Tetap (Perbandaran dan Daerah)
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara

Yang Mulia, Pegawai-Pegawai Daerah dari
Daerah Brunei Muara dan Daerah Temburong

Yang Mulia, Penghulu-Penghulu Mukim dan Ketua-Ketua Kampong
dari Daerah Brunei Muara dan Daerah Temburong

Pihak Pengurusan Kanan SHENA

Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan
Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHENA)

Hadirin dan hadirat yang peramba/saya hormati sekalian,
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera



اوتوريٽي كېڄڻاڻ كسلا مٿن
كهيٽين. ڊان عالم سڪيٽر
Safety, Health and Environment
National Authority

Terlebih dahulu, mewakili semua lapisan pegawai dan kakitangan Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHENA), kami sukacita mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian **Yang Mulia, Tuan Awang Abdul Walid bin Haji Matassan, Setiausaha Tetap (Perbandaran dan Daerah), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri** kerana sudi hadir di majlis pada pagi ini.

Dalam kesempatan ini, SHENA juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Penghulu-Penghulu Mukim dan Ketua-Ketua Kampong yang hadir pada pagi ini, yang mana ianya merupakan sokongan dan dorongan dalam memastikan kesejahteraan dan keselamatan di tempat kerja akan kitani tanai bersama.

Pihak SHENA mengkategorikan komitmen abiskita untuk membimbing dan melindungi penduduk kampung dan sekitarnya khususnya, dan masyarakat secara amnya, amatlah bernilai kerana abiskita merupakan barisan hadapan dalam memastikan kesejahteraan dan keselamatan tempat kerja mereka adalah mengikut perundangan, peraturan dan garis panduan yang telah ditetapkan. Justeru, sesi muzakarah pada pagi ini merupakan sesi khas untuk biskita bagi mengetahui secara terperinci hal ehwal kesejahteraan dan keselamatan tempat kerja mengikut undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa pada masa ini.



اتوریٹی کے بحفاظت
کھیتیں، دان عالم سکیتز
Safety, Health and Environment
National Authority

Sebagai Penghulu Mukim dan Ketua Kampong, abiskita juga diharapkan dapat memainkan peranan penting dalam memantau dan mengambil tindakan apabila berlaku sebarang tingkah laku pekerjaan yang tidak selamat seperti kerja-kerja pengubahsuaian atau pembinaan sama ada di premis-premis persendirian atau premis-premis awam. Keprihatinan dan tindakan segera abiskita mampu menolong mencegah kemalangan di tempat kerja hatta menyelamatkan nyawa. Dalam sama-sama menangani situasi ini, pihak SHENA mengalu-alukan biskita untuk segera melaporkan sebarang pekerjaan yang tidak selamat, khususnya yang melibatkan aktiviti kerja di Kawasan atau zon masing-masing.

Pihak SHENA bersedia memberikan kerjasama dan komited untuk mengambil tindakan susulan yang munasabah. Bagaimanapun, makluman segera daripada pihak abiskita adalah kunci utama untuk memastikan keberkesanan pencegahan dapat kitani realisasikan bersama, sekali gus dapat menangani isu keselamatan sebelum ianya menjadi lebih serius dan parah.

Pada tahun 2024, di sektor pembinaan sehaja, pihak SHENA dan Bahagian Kesihatan Pekerja, Kementerian Kesihatan telah merekodkan **3 kematian dan 131 kecederaan di tempat kerja**. Risiko kemalangan boleh dikurangi dan dicegah sekiranya aspek-aspek keselamatan dilaksanakan dengan teratur.



اتوريټي كېڤسائڻ كسلامتن
كصحيټن دان عالمسكيت
Safety, Health and Environment
National Authority

Dalam hal ini, pihak SHENA dengan Kerjasama pihak-pihak Kerajaan dan swasta yang berkepentingan telah berusaha melalui beberapa pendekatan dan kaedah untuk meningkatkan keselamatan di tempat kerja.

Hadirin dan hadirat yang peramba/ saya hormati sekalian,
Sesi Muzakarah pagi ini diungkayahkan bersama di antara Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan SHENA merupakan satu pendekatan "*Whole of Nation*" yang mana ianya juga disasarkan untuk menterjemahkan Wawasan Negara 2035, di mana semua pihak berkongsi tanggungjawab untuk keselamatan, Kesihatan dan penjagaan alam sekitar.

Kepimpinan dan kewibawaan para penghulu dan ketua kampung akan membimbing penduduk dan masyarakat sekeliling untuk mengamalkan sikap yang lebih berwaspada dan bertanggungjawab bukan sahaja dalam konteks di tempat kerja malah juga di dalam kehidupan seharian.

Sebelum mengakhiri ucapan ini, marilah kita terus bersatu dan berganding bahu untuk memastikan Negara Brunei Darussalam kekal selamat selaras jua dengan slogan SHENA iaitu "Memastikan Negara Brunei Darussalam adalah tempat yang selamat untuk bekerja dan didiami"

Akhir Qalam, Wabillahi taufik wal hidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

TAMAT